

Headline	TNB lancar iklan Tahun Baharu Cina		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	18 Jan 2020	Language	Malay
Circulation	112,705	Readership	338,115
Section	Setempat	Page No	14
ArticleSize	281 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 33,081		



Kuala Lumpur: Tenaga Nasional Berhad (TNB), semalam melancarkan iklan televisyen sempena Tahun Baharu Cina menentang idea kepentingan berada bersama insan tersayang ketika musim perayaan meskipun teknologi membolehkan kita sentiasa terus berhubung.

Ketua Pegawai Korporat TNB, Datuk Wira Roslan Ab Rahman, berkata filem pendek yang bertajuk *Reality Not Virtual* itu menyampaikan mesej keseronokan menyambut perayaan tahunan bersama keluarga melalui pendekatan realiti maya.

Beliau berkata, TNB berharap rakyat Malaysia dapat berkumpul bersama keluarga pada musim perayaan ini dan menghayati suasana gembira bagi menjadikannya satu detik yang bermakna.

"Filem iklan bertajuk *Reality Not Virtual*



TNB lancar iklan Tahun Baharu Cina

ROSLAN (tiga dari kanan) melakukan 'yee sang' di Bangsar, semalam.

lity Not Virtual menampilkan Bryan, seorang lelaki yang baru mula bekerja di bandar dan gemar menghabiskan masa lapangnya di kota daripada pulang ke kampung halaman untuk menyambut Tahun Baharu Cina.

"Ibu Bryan yang tidak mahu anak lelakinya itu ketinggalan merasai kemeriahan sambutan di kampung halaman, menghantar satu bungkus istimewa iaitu satu peranti realiti maya (VR) yang bertemakan Tahun Baharu Cina.

"Sejurus memakai peranti itu, Bryan dibawa ke alam maya menyaksikan suasana perayaan yang biasa di rumahnya seperti sesi melambung yee sang, menerima ang pau dan lain-lain lagi," katanya selepas pelancaran dan sesi tayangan filem ik-

lan itu kepada media.

Menurutnya, pada masa sama, penonton dapat melihat bagaimana Bryan berinteraksi dengan dunia sebenar tatkala asyik di alam maya.

Roslan berkata, ketika filem pendek itu sampai ke kemuncaknya dengan adegan tarian singa yang penuh warna-warni, Bryan lantas merasakan kerinduannya memuncak untuk pulang ke kampung halaman.

"Meskipun lucu namun filem ini membawa mesej mendalam mengenai kegembiraan menyambut perayaan bersama mereka yang penting dalam kehidupan kita iaitu ahli keluarga," katanya.

Filem iklan ini ditayangkan secara dalam talian di saluran YouTube rasmi TNB ([youtube.com/TENAGAOfficial](https://www.youtube.com/TENAGAOfficial)) selama empat minit bermula 17 Januari 2020.

Bagi versi di televisyen pula berdurasi 60 saat dijangka ditayangkan bermula 23 Januari 2020.

Filem ini turut diiringi iklan cetak interaktif yang memerlukan pembaca untuk melipat bahagian tertentu iklan untuk melihat mesej tersembunyi.

Pada masa sama, TNB turut mengadakan peraduan Cekap Tenaga menampilkan barisan pelakon utama filem itu dalam bentuk video 360°.

Untuk menyertai hanya log masuk ke [facebook.com/TNBCareline](https://www.facebook.com/TNBCareline) dan orang ramai berpeluang memenangi hadiah termasuk telefon pintar baharu.

Orang ramai juga boleh berkongsi GIF dan pelekat perayaan yang menyeronokkan dengan keluarga melalui carian *TNB Chinese New Year* di platform WhatsApp, Facebook (FB) dan Instagram (IG).